

THE RIGHT OF PATIENTS & FAMILIES

You are entitled to

- ❑ To obtain safe medical services regardless of race or religion.
- ❑ To know the attending doctor or health personnel.
- ❑ To know about your illness and get a second opinion regarding the treatment.
- ❑ To make decisions about the proposed medical care and the right to leave hospital even against medical advice.
- ❑ To give suggestions to improve the hospital services (via suggestion box).
- ❑ To receive a detailed bill for all charges incurred (upon request).
- ❑ To know the hospital rules and regulations.



**DILARANG MEROKOK
NO SMOKING**

PATIENT & FAMILY RESPONSIBILITIES

Responsibilities when you stay in the hospital

- ❑ To give full cooperation during treatment, follow medical advice, and to accept responsibility for the outcome if you choose not to continue with the treatment.
- ❑ To come on the appointment dates given, to provide accurate information about medical history, medications, and changes in personal health.
- ❑ To understand your illness, treatment, and the necessary self care after being released from the hospital ward. To inform the doctor in charge if you want more information about your health.
- ❑ To understand the risks and the possible outcome of all procedures and the kind of assistance that will be provided should the situation arise.
- ❑ Family involvement in medical decision making will be at your discretion.
- ❑ *On admission to the ward* - To bring the necessary personal items and clothings only.
- ❑ *During an emergency* - To hand over your valuables to your family or next of kin or the attending health personnel and this will be recorded.
- ❑ To comply with hospital regulations, such as respect privacy of other patients, follow visiting hours, no smoking policy, use of cell phones not allowed in certain areas, and do not waste electricity and water.
- ❑ Infants and children under 12 year are not encouraged to visit patients to avoid them from getting infected.

Disediakan oleh
PUSAT PENYELIDIKAN KLINIKAL
Dengan kerjasama
UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN
Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah
Tel 04-7406233
Web: <http://hsbas.moh.gov.my/>

INFOSI HAT



**HOSPITAL SULTANAH BAHYAH
ALOR SETAR, KEDAH**

HAK PESAKIT & KELUARGA

Anda berhak untuk

- Mendapatkan perkhidmatan perubatan yang selamat tidak mengira agama dan bangsa.
- Mengetahui nama doktor atau anggota kesihatan yang memberi perkhidmatan kepada anda.
- Mengetahui penyakit yang dihidapi dan mendapat pandangan kedua dalam perawatannya.
- Membuat keputusan mengenai kesihatan diri seperti tidak bersetuju dengan cadangan perubatan serta berhak meninggalkan hospital walaupun bertentangan dengan nasihat perubatan.
- Memberi cadangan bagi menambahbaik perkhidmatan hospital melalui peti cadangan yang disediakan.
- Mengetahui polisi dan peraturan hospital yang berkaitan dengan anda.
- Menerima bil terperinci untuk semua bayaran rawatan (*berdasarkan permintaan anda*).
- Menderma organ jika anda bersetuju.



TANGGUNGJAWAB PESAKIT & KELUARGA

Tanggungjawab Anda Semasa Berada di Hospital

- Semasa berada di hospital
- Memberi kerjasama semasa menerima rawatan dan nasihat doktor serta bersedia mengambil sebarang risiko sekiranya tidak meneruskan rawatan yang ditetapkan.
- Menepati temujanji, memberi maklumat yang tepat mengenai sejarah kesihatan, ubat-ubatan dan perubahan kesihatan diri.
- Memahami penyakit yang dihidapi, rawatan dan penjagaan diri setelah keluar dari hospital/wad. Memaklumkan kepada doktor bertugas sekiranya anda inginkan keterangan lanjut mengenai kesihatan anda.
- Memahami kemungkinan sebelum, semasa dan selepas prosedur dijalankan serta bantuan yang akan diberikan untuk menghadapi sebarang situasi.
- Penglibatan ahli keluarga dalam membuat sesuatu keputusan rawatan perubatan anda.
- Semasa kemasukan ke wad:*
- Membawa barangan keperluan dan pakaian peribadi yang perlu sahaja.
- Semasa kecemasan:*
- Menyerahkan barang berharga kepada keluarga/waris atau anggota kesihatan bertugas untuk direkod proses penyimpanan.
- Akur dengan peraturan hospital seperti mematuhi hak peribadi pesakit-pesakit lain, waktu melawat, tidak merokok, penggunaan telefon bimbit dan pengawalan penggunaan bekalan elektrik seperti penghawa dingin dan lampu.
- Bayi atau kanak-kanak bawah 12 tahun tidak digalakkan melawat pesakit bagi mengelak dari dijangkiti.

